

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

BZT 302/3 - Biologi Bentos

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. (a) Terangkan dengan terperinci bagaimana sedimen pada kawasan marin dapat dikelaskan mengikut saiz.
(10 markah)

- (b) Bincangkan bagaimana saiz sedimen dapat mempengaruhi jenis komuniti bentos yang terdapat pada sesuatu kawasan.
(10 markah)

2. Dengan menggunakan gambarajah terangkan kitar hidup dua kumpulan makrobentos yang terdapat di kawasan terumbu karang Malaysia.
(20 markah)

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan meiofauna.
(5 markah)

- (b) Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai bincangkan bagaimana kumpulan ini dapat memberi gambaran tentang status pencemaran sesuatu kawasan.
(15 markah)

4. Terangkan **EMPAT** cara pemakanan organisma bentos di kawasan berselut atau berpasir. Berikan contoh-contoh terperinci bagi setiap jawapan anda.
(20 markah)

5. Huraikan empat faktor abiotik terpenting yang menentukan penyebaran epifauna di kawasan intertidal.
(20 markah)

6. Bincangkan dengan terperinci satu kaedah penyampelan dan analisis berikutnya bagi menentukan kepelbagaian dalam komuniti bentos yang dikaji.

(20 markah)

- ooo O ooo -